



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 23 /2022

PERSIAPAN MENJADI TETAMU ALLAH

10 Zulkaedah 1443 H

Bersamaan

10 Jun 2022

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَأَفْهَمَنَا بِشَرِيعةِ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَانُ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan melaksanakan segala perintahNya serta menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini bertajuk :

Persiapan Menjadi Tetamu Allah

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, tahun ini kerajaan Arab Saudi telah membenarkan kemasukan jemaah haji dari semua negara setelah dua tahun tertangguh akibat pandemik COVID-19. Bagi jemaah haji dari negara kita, sebahagiannya telah pun tiba di tanah suci Makkatul Mukarramah manakala sebahagian yang lain pula dalam persiapan untuk berangkat ke sana. Niat, tujuan dan harapan mereka hanya satu iaitu untuk menyempurnakan tuntutan terakhir daripada rukun Islam yang lima.

Perjalanan haji adalah perjalanan yang diberkati kerana ia bertujuan memenuhi undangan Allah untuk mengunjungi Baitullah, kerana itulah jemaah haji dipanggil dengan nama Dhuyuf al Rahman iaitu Tetamu Allah. Ungkapan yang sentiasa diulang-ulang oleh para tetamu ini adalah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ

إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya: Aku menyahut panggilan-Mu, Aku menyahut panggilan-Mu, Tiada sekutu bagi-Mu, Aku menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya pujian dan nikmat adalah milik-Mu begitu juga kerajaan tiada sekutu bagi-Mu.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Khatib mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang terpilih menjadi tetamu Allah pada tahun ini. Terpilih mendapat peluang ke Tanah Suci merupakan satu anugerah nikmat dan kejayaan dalam kehidupan seseorang hamba di sisi Allah. Umat Islam yang terpilih ini, mereka akan berkumpul di suatu tempat yang sama bersama umat Islam yang datang dari seluruh dunia bagi melaksanakan tuntutan yang sama biarpun berbeza warna kulit dan bahasa. Ia menzahirkan kesatuan dan kekuatan ummah. Umat Islam yang jauh dan dekat, datang dengan pelbagai cara melalui jalan darat, laut serta udara, menempuh kesukaran semata-mata memenuhi seruan yang mulia ini.

Firman Allah dalam surah al Hajj ayat 27 :

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَكَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya : Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan kenderaan unta kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Bakal tetamu Allah perlulah bersyukur dan terus bersyukur, kerana daripada seluruh umat Islam di dunia ini, hanya mereka antara jutaan umat Islam seluruh dunia yang mendapat kesempatan untuk menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Oleh itu, kesempatan yang terbaik sebagai tetamu Allah ini hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, khasnya dengan berusaha mendapatkan haji yang mabrur, kerana haji yang mabrur dijanjikan oleh Allah S.W.T dengan syurga-Nya, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W.:

الْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Yang bermaksud : “Haji yang mabrur tiada ganjaran baginya, melainkan syurga”.

(Hadis Riwayat: Bukhari dan Muslim)

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Bagi memperolehi haji yang mabrur dan menyempurnakan ibadah yang agung ini, para Jemaah dinasihatkan untuk membuat beberapa persiapan, antaranya :

Pertama: Persiapan ilmu.

Seorang bakal haji hendaklah sentiasa belajar dan mengulangkaji cara dan kaedah melaksanakan ibadah ini serta hal-hal yang berkaitan dengannya. Ilmu asas berkaitan rukun-rukun haji, wajib haji dan syarat-syaratnya serta larangan-larangan ketika ihram perlu dikuasai dan difahami dengan sebaiknya.

Kedua: Menyediakan kewangan yang mencukupi.

Menyediakan kewangan yang mencukupi untuk perbelanjaan di tanah haram serta perbelanjaan harian ahli keluarga dan tanggungan sepanjang tempoh sepeninggalannya.

Ketiga: Penjagaan kesihatan sepanjang berada di tanah suci.

Banyak aktiviti fizikal yang perlu dilakukan seperti tawaf, sa'i, melontar jamrah. Ada baiknya sebelum berangkat, bakal haji melatih diri dengan aktiviti berjalan kaki agar terbiasa dengan aktiviti fizikal di sana.

Keempat: Perlu mantap dalam diri dengan kesabaran.

Para jemaah haji perlu mengutamakan kesabaran sepanjang berada di tanah suci. Ibadat haji yang memebawa jutaan manusia berhimpun di tanah suci, tentunya pelbagai karenah manusia dengan suasana yang tidak sama jika dibandingkan dengan keadaan di tanah air dari segi keselesaan, kemudahan mahupun keadaan iklimnya.

Kelima: Persiapan rohani dan jiwa.

Ini adalah persiapan paling utama kerana perjalanan jauh menunaikan haji adalah untuk beribadah kepada Allah dengan mengikhlaskan niat berbekalkan taqwa kepada Allah.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Saudara-saudara kita yang berpeluang mengerjakan haji pada tahun ini, laksanakanlah dengan penuh keikhlasan dan bersungguh-sungguh, janganlah disia-siakan kesempatan yang diperolehi itu.

Ketika berwukuf di Arafah nanti, perbanyakkanlah berdoa dan beristighfar dengan penuh khusyuk, tawaduk dan merendah diri dengan penuh keinsafan, baik untuk diri sendiri, kedua ibubapa, ahli keluarga dan sekalian umat Islam dengan harapan semoga doa-doa yang dipohonkan akan diterima dan dikabulkan oleh Allah S.W.T.

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini ialah :

1. Perancangan yang rapi dan persediaan dari awal adalah penting dalam memperolehi ibadat haji yang terbaik, sempurna dan mabrur.
2. Persediaan dari sudut ilmu yang mencukupi berkaitan dengan ibadah haji perlu bagi memastikan ibadah haji yang dilaksanakan adalah menepati kehendak syarak dan mendapat manfaat yang dijanjikan oleh Allah .
3. Umat Islam hendaklah berazam dan berniat untuk menunaikan ibadah fardhu haji supaya kematiannya kelak dalam keadaan telah berazam atau telah menyempurnakan rukun Islam.
4. Umat Islam hendaklah menghayati falsafah haji yang merupakan perhimpunan tahunan terbesar umat Islam sebagai lambang dan wadah perpaduan dan penyatuan ummah yang berpaksikan kesatuan akidah dan ibadah kepada Allah Yang Maha Esa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَكْرَدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ

النَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

Maksudnya : Musim) Haji adalah beberapa bulan yang termaklum. Maka sesiapa yang berniat mengerjakan ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan diketahui oleh Allah; dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa; dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal.

(Surah al-Baqarah, ayat 197)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ.
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, kurniakan kami agar cintakan keimanan. Jadikanlah ia perhiasan hati kami. Pahatkanlah dalam diri kami, rasa benci kepada kekufuran, kefasikan, dan kemaksiatan. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang mendapat petunjuk. Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakan kami dapat mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan, dan kurniakan kami untuk menjauhinya. Janganlah Engkau jadikan kami terkeliru, menyebabkan kami menyimpang dari kebenaran. Jadikanlah kami terus kekal istiqamah atas kebenaran.

Ya Allah, pertautkanlah hati-hati kami. Baikilah hubungan sesama kami. Tunjukkanlah kami jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.